

# 'Keranamu Malaysia' ditukar tahun depan

Oleh ZULHISHAM ISHAK

**KOTA KINABALU** 16 Sept. - Tema sambutan Hari Kemerdekaan *Keranamu Malaysia* akan ditukar tahun depan bagi memastikan ia disambut dengan lebih meriah dan bermakna, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Menurutnya, pendekatan yang akan diambil sempena ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 itu termasuk penggunaan simbol baru serta melibatkan penyertaan lebih aktif pihak swasta dan badan korporat.

"Pada tahun depan, kita akan tentukan tema perayaan yang baru dan tidak lagi menggunakan tema *Keranamu Malaysia* yang telah diguna lebih enam tahun. Ini juga termasuk simbol yang diguna pakai pada setiap sambutan sebelum ini.

"Bukan itu sahaja, kementerian juga akan merangsang pihak swasta dan badan korporat untuk turut serta pada tahun depan," katanya selepas melawat tapak Promosi kraf Malaysia sempena acara penutupan Bulan Kemerdekaan ke-49, di sini hari ini.

Beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-49 turut melahirkan rasa puas

um-17/9/2006  
Bukan itu sahaja, kementerian juga akan merangsang pihak swasta dan badan korporat untuk turut serta pada tahun depan

- Dr. Rais Yatim

hati terhadap keseluruhan sambutan tahun ini dan berharap semua lapisan masyarakat akan mengambil bahagian tahun depan.

Katanya, penyertaan kali ini tidak melibatkan semua kaum secara menyeluruh dan apa yang lebih penting sambutan itu dapat memberi makna besar dari segi pengisian erti kemerdekaan.

"Persoalan yang timbul sekarang ialah setakat mana kita dapat wujudkan semangat merdeka itu secara menyeluruh, bagi saya, sebahagian besar sudah berjaya.

"Tetapi ada segelintir masyarakat tidak kisah dengan Hari Kemerdekaan atau untuk turut serta dalam sambutannya, golongan ini akan kita cuba beri kesedaran untuk bersama-sama merayakan sambutan hari kemerdekaan pada tahun depan," katanya.

Menurut Rais, beberapa program yang diadakan tahun ini akan dikekalkan seperti penerbitan buku-buku mengenai perjuangan menuntut kemerdekaan, selain me-

nambah peraduan sedia ada.

Sementara itu, bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007, beliau memberitahu, kementeriannya dengan kerjasama Kementerian Pelancongan akan menyertai pameran kraf tangan dan kebudayaan antarabangsa pada Mei tahun depan di Covent Garden, London, bagi mempromosikan Malaysia.

Jelasnya, melalui penyertaan pada bulan Mei lalu di pameran yang sama dengan disertai 69 negara, Malaysia memperoleh pendapatan RM12.3 juta dan sebahagian besar adalah hasil penjualan kraf tangan.

"Melalui kejayaan ini, ia akan menjadi simbol budaya dan warisan mewakili kepentingan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kabinet juga ada menasihatkan supaya meneruskan tradisi pameran luaran ini.

"Cara ini akan membantu menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007 dan seluruh dunia boleh mengenali negara kita melalui hasil kraf tangan, kesenian dan kebudayaan," ujarnya.